

# Dr. M belum buat keputusan lantik Menteri Kewangan baru

**JM 23 AUG 2002**  
NILAI 22 gos Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membayangkan beliau belum membuat keputusan untuk melantik Menteri Kewangan baru sepenuh masa dalam waktu terdekat ini.

Perdana Menteri yang turut memegang jawatan tersebut selepas Tun Daim Zainuddin meletak jawatan mengesahkan beliau akan membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen pada 20 September ini.

Beliau juga enggan mengulas lanjut sama ada akan terus menyandang jawatan Menteri Kewangan sehingga ijengundurannya daripada semua jawatan kerajaan pada Oktober 2003.

“Mungkin, saya bersedia (melantik Menteri Kewangan) tetapi kalau teringat nak sampaikan (bentang) Belanjawan, saya boleh buat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Kampus T&ap Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIIM) di sini.

Beliau mengulas kenyataannya pada 6 Julai lalu ketika menjawab soalan pada sesi dialog dengan masyarakat perdagangan Thailand dan Malaysia di Bangkok yang mungkin melantik Menteri Kewangan baru sepenuh masa.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.8 peratus dalam suku kedua tahun ini menampakkan angka yang baik boleh dicapai pada suku ketiga.

Tegasnya, untuk menjayakan matlamat itu, semua pihak perlu berusaha lebih gigih.

“Kita perlu belanja segala wang yang diperuntukkan kepada kementerian,” katanya.

Dalam pada itu mengulas cadangan Kongres Kesatuan Sekeria Malaysia (MTUC) mahu kerajaan mewujudkan tab&g khas untuk menjayakan matlamat “satu komputer sebuah rumah”, Dr. Mahathir berkata, ia tiada dalam perancangan kerajaan.

Menurut beliau, sepatutnya tidak timbul masalah membeli komputer jika sebab keperluannya untuk menimba ilmu.

Lagi pun, katanya, komputer kini boleh dibeli pada harga murah dengan RM1,800 seunit berbanding antara RM4,000 hingga RM5,000 sebelum ini.

“Kalau ambil duit dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), esok (pada hari tua) nanti, tak ada duit (lagi).

“Nak beli komputer sekarang murah, kalau tak nak beli sendiri, boleh sewa RM50 sebulan, kalau nak belajar (sepertutnya boleh beli) tetapi kalau nak tipu, lainlah,” katanya.